

BAB KEDUA

LANDASAN TEORI

2.1 PENGENALAN TENTANG SYAHADAH.

2.1.1 Syahadah Dari Sudut Bahasa

Mengikut bahasa perkataan syahadah (شهادة) adalah pecahan dari perkataan (شهاده) yang memberi erti menyaksikan.¹

Sebagaimana firman Allah s.w.t:

فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلِيَصُمُمْ .

Maksudnya:

"Maka sesetiap di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan maka hendaklah ia berpuasa".²

Mengikut Mu'jam al-Wasit perkataan syahadah ini boleh diertikan memberitahu apa yang dilihat, menafsirkan apa yang diketahui.³

Tertib al-Qamus al-Muhit menjelaskan syahadah bererti suatu perkhabaran ataupun pengakuan yang pasti.⁴

Hal ini dapat dilihat pada firman Allah s.w.t:

وَشَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya:

Tuhan mengakui bahlawa sesungguhnya tiada Tuhan selainkan Dia.⁵

¹ Al-Munjid fil Lughah, Beirut, Penerbit Dar al-Masyrid, cetakan ke 29, 1987, hal. 406.

² Surah al-Baqarah, ayat 185.

³ Majma' al-Lughah al-Arabia, Mu'jam al-Wasit, Juz'1, Misr, Dar al-Ma'rif, cetakan ketiga, hal. 516-517.

⁴ Tahir Ahmad Azzawi, Tertib al-Qamus al-Muhit, Juz'2, Darul Fikri, cetakan ketiga, hal. 768.

⁵ Surah al-Iran, ayat 18.

Abu 'Ubaidah menuturkan bahwa شهاد الله ialah Allah menetapkan bahawa tiada Tuhan yang dikehendaki selainkan Dia dan hakikatnya hanya Allah yang Tuhan.⁶

Mengikut Sa'id Hawa dalam bukunya al-Islam, bahawa perkataan **أشهد** mengandungi tiga pengertian mengikut bahasa. Ketigatiga pengertian tersebut boleh dilihat di dalam al-Quran:⁷

- i. Melihat kebesaran zat yang Maha Tinggi yang diistilahkan oleh al-Quran

يُشَهِّدُ الْقَرِبَوْنَ .

Maksudnya:

"Yang disaksikan oleh al-qaiyyrun".⁸

- ii. Mengakui menjadi saksi terhadap ketuhanan Allah seperti pengertian asyhadu di dalam ayat berikut:

وَإِشْهِدُوا ذُو عِدْلٍ مِّنْكُمْ .

Maksudnya:

"Dan hendaklah kamu adakau dua orang saksi yang adil dari kalangan kamu".⁹

- iii. Bererti sumpah, seperti digambarkan oleh ayat:

إِذَا جَاءَكُ الْمُنَافِقُونَ قَالُوا نَشْهِدُ إِنَّكُ لِرَسُولُ اللَّهِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكُ لِرَسُولُهُ وَاللَّهُ يَشْهِدُ إِنَّ النَّفَقِينَ لَكَذِبُونَ .

⁶Jamaluddin Muhammad b. Bakr, Lisanul 'Arab, Juz'4, Beirut Dar Sadir, 1956, hal. 224.

⁷Sa'id Hawa, al-Islam Syahadah dan Fenomena Kekufuran, (Ter: Abu Ridha), Jakarta, Penerbit al-Ishlahy Press, 1986, hal.67.

⁸Surah al-Munafiqun, ayat 21.

⁹Surah at Thalaq, ayat 2.

Maksudnya:

"Apabila orang-orang munafiq itu datang kepadamu, mereka akan berfata 'Kami mengakui bahawa anda engkau pesuruh Allah dan Allah mengetahui bahawa engkau PesuruhNya. Allah menyaksikan bahwa orang-orang munafiq ini orang-orang yang berdusta".¹⁰

Perkataan orang-orang munafiq di dalam ayat di atas ialah 'nasyhadu' mempunyai erti sumpah. Para ulamak Hanapiyah berpendapat bahawa orang yang menyatakan nasyhadu ia bererti sumpah.

Kesimpulannya ketiga-tiga makna 'asyihadu' itu saling melengkapi antara satu sama lain, manusia ditanggap ia telah bersumpah apabila ia telah bertasyahid, mengucap syahadah dan ia juga menyaksikan apabila ia mengucapkan La ilaha illallah.

2.1.2 Syahadah Dari Sudut Istilah.

Dari sudut istilah, syahadah bermaksud suatu pengakuan, pemberitahuan dan keterangan seseorang. Kerana itu orang yang telah mengakui dan menuturkan syahadah dinamakan juga orang yang menyaksikan, kerana ia telah memberitahu apa yang diketahuinya baik secara perkataan maupun perbuatan.¹¹

Pengakuan dengan perluatan itu sebagaimana dijelaskan oleh Allah s.w.t di dalam firman-Nya:

¹⁰ Surah al-Munafiqin, ayat 1.

¹¹ Abdul Karim Zalda, Dasar-dasar Ilmu Dakwah, (Ter: H.M. Aswadi Syukur LC), Kuala Lumpur, Pustaka al-Amin, 1988, hal. 14.

ما كان للمسئلين أن من بعد الله شهدوا
على أنفسهم بالكفر.

Maksudnya:

"Tidaklah bagi orang-orang musyrik itu memakmurkan masjid Allah sedang mereka mengakui bahawa mereka sendiri kafir".¹²

Kalimah syahadah juga mengandungi erti persetujuan, pengakuan dan keyakinan. Kerana itu setiap orang yang mengakui tentu menyakinkan apa yang mereka akui. Oleh itu kalau pengakuan tidaknya bertentangan dengan apa yang diakui oleh hatinya maka pengakuan yang demikian dinamakan pengakuan dusta. Ini jelas sebagaimana firman Allah di dalam surah al-Munafiqin ayat 1, seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini. Di mana di dalam ayat tersebut Allah s.w.t telah menurangkan bahawa orang-orang munafiqin itu sebagai pendusta kerana mereka tidak mahu menyakini kebenaran yang mereka katakan. Dengan demikian kalimat syahadah juga bererti pengetahuan pengenalaman, kebenaran dan juga erti penetapan, ketegasan dan keyakinan.¹³

12 Surah at-Taubah, ayat 17.

13 Abdul Karim Zaiddan, op. cit., hal. 15.

2.1.3 Pengertian Allah (الله)

Untuk menjelaskan lagi pengertian syahadah ini, penulis cuba membahaskan pengertian Ullah yang mana Ianya termasuk di dalam syahadah Lâ Illâha illâ Allâh.

Perkataan Allah (ﷺ) ini terdiri daripada huruf-huruf alif, lam dan ha (الاٰن، الالٰم، الها). Pengertian Allah ini mempunyai berberapa pengertian yang berkaitan antara satu sama lain. 14

الحدث الرابع

"Aku merasa tenang kepada si putan".

الله الرجُل يَأْلِهٌ .

"Seseorang yang memerlukan pertolongan dari kesusahan yang dialaminya".

III. الْهُدَىٰ إِلَى الرَّجُلِ

"Memfokaskan kepada seorang kerana ia terlalu mencintainya".

الله الفَسِيلُ بِأْمَهٍ .

"Anak unta mencari ibunya kerana ia terpisah".

الله الاهـة الـوـهـة

"Beribadah".

لاد پلتا، لیپھا۔

"Tersembunyi dari pandangan".

¹⁴ Sa'īd Hawā, op. cit., Ital. 67.

Manakala Imam Ibnu Qayyim berpendapat bahawa Allah itu merupakan yang disembah, yang dikasihhi oleh seseorang hamba, tunduk kepadanya, merendah diri, takut, berharap dan menyerah diri kepada Allah juga.¹⁵

Al-Zamakhshari pula berkata: "Allah" al-Allah adalah dari jenis nama-nama seperti orang atau kuda. Tanya dipakaikan kepada setiap yang disembah samada benar ataupun palsu (batil). Kemudian kalimah ini digunakan kepada yang disembah dengan sebenar-benarnya!¹⁶

Makna yang lebih tepat kita boleh lihat kepada pendapat Syeikh Islam Ibnu Taimiah yang mengatakan bahawa "al-illah" itu bermaksud hati seseorang hamba itu mempertularkan (menyembah) Allah, meminta pertolongan kepadaNya, cinta, takut dan memberikan pengharapan kepadaNya. Dan hanya Allah yang berhak disembah dan tidak boleh syirik kepadaNya, tidak boleh sembah melaikin kepadaNya juga tidak boleh takut dan taat melaikin kepada Allah juga!¹⁷

¹⁵ Shamsuddin Muhammad b. Abi Bakr b. Qayyim al-Jauziah, Tariq al-Hijrataini wababu Sa'adataini, (ditashih oleh Mahyuddin al-Khalib) Kahirah: percetakan al-salafiah, hal. 320.

¹⁶ Ramli Awang, Ruh Tauhid Dalam Gerakan Islam, Penerbit Al-Rahmaniah, Petaling Jaya, 1989.

¹⁷ Ibnu Taimiah, Majmu' Iatāwā, juz' 1, Percetakan Dar Al-Arabiah, cetakan pertama, 1798H, hal. 365.

Pendapat Ibnu Rejab juga dapat diketengahkan dalam hal ini yang mengatakan al-Allah Hu, Allah yang dittaati, sekali-kali tidak boleh didurhakai, sentiasa gerun kepadaNya dan membesarkanNya, kepadaNya lah dicintai, ditakuti dan diharapkan ke atasnya tempat bertawakkal, kepadaNya lah tempat memohon dan meminta. Perkara-perkara tersebut tidak layak difokuskkan kepada yang lain kecuali kepada Allah s.w.t sahaja.¹⁸

2.1.4 Pengertian Lā ilāha illallāh.

Berdasarkan apa yang dibincangkan dahulu berkenaan dengan ma'na al-illah, maka dapat kita memberi erti bahasa bagi kalimah Lā ilāha illallāh ialah tiada tuhan yang patut disembah dengan sebenarnya melainkan Allah s.w.t. Tiada berhak kita mengabdikan diri dan taat dengan penuh pengorbanan dan ketundukan melainkan Allah taala juga.¹⁹

¹⁸ Ustaz Ramli Awang, op. cit., hal. 43-44.

¹⁹ Mohd Yusuf Sentik, Syahadataini Ilaqiqatuhuma Waatharuha, tesis sarjana Universiti Imam, Arab Saudi, 1401-1402H, hal. 21.

Ahmad Faiz menerangkan dalam bukunya *Tariq ad-Dakwah fi Zilal al-Qur'an* tentang maksud sebenar ucapan La ilaha illallah sebagaimana yang difahami oleh orang-orang Arab. Ketika masyarakat orang-orang Arab mendengar Rasulullah s.a.w menyertu manusia kepada syahadah La ilaha illallah Muhammadur Rasulullah, seorang daripada mereka berkata, ini suatu perkara yang dibenci oleh raja-raja. Dan seorang lelaki Arab yang lain pula berkata "kalau begitu orang-orang Arab dan juga bukan Arab ('Ajam) akan memerangi engkau keranaanya (syahadah)."²⁰ Difahamkan dari dua petikan di atas Ahmad Faiz mengatakan bahawa kalimah La ilaha illallah merupakan suatu kebangkitan ke atas golongan pemerintah yang tidak menjalankan syariat Allah samada mereka itu dari golongan Arab ataupun bukan Arab.²¹

Di dalam al-Quran sendiri Allah menceritakan bagaimana sikap orang-orang kafir 'Arab terhadap kalimah ini:

إِنَّهُمْ كَانُوا إِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ يُسْتَكْبِرُونَ
وَيَقُولُونَ إِنَّا لَنَارِكُوا إِلَهَنَا لَنَا ثَأْرٌ عَمَّا جَنَّوْنَ.

Maksudnya:

"Kerana sesungguhnya apabila dikatakan kepada mereka

²⁰ Ahmad Faiz, *Tariq ad-Dakwah fi Zilal al-Qur'an, al-Syarikatul al-Muttaqidah Li'ltauzi'*, cetakan ke enam, 1978, hal 33.

²¹ Ibid.

"Lā ilāha illal-lah" mereka menyombong diri. Dan mereka berkata: "Apakah sesungguhnya kamu harus meninggalkan sembahannya-kamu kerana seorang penyair gila".²²

2.1.5 Ma'ana Syar'ie Kalimah لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.

Terdapat banyak dalil al-Qur'an dan al-Hadis dalam menafsirkan ma'ana kalimah Lā ilāha illal-lah yang tersusun dalam dua perkara iaitu nafi' (لا إِلَه) dan i'tibat (إِلَّا إِلَهُ).²³

Di antara dalil-dalil yang terdapat di dalam al-Qur'an dan al-Hadis ialah:

a. Firman Allah s.w.t

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رِسُولٍ إِلَّا نُوحِيَ إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا إِنِّي أَنَا فَاعِدُ لَهُونَ.

Maksudnya:

"Dan kami tidak mengutuskan seorang rasul pun sebelum kamu melainkan kami wajyukan kepadanya 'Lā ilāha illal-lah, maka sembahlah olehku akan Aku'.²⁴

b. Firman Allah s.w.t

وَقَضَى رَبُّكَ الْأَعْبُدُونَ إِلَّا إِيمَانَهُ.

Maksudnya:

"Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia."²⁵

²² Surah as-Safat, ayat 25-36.

²³ Ustaz Ramli Awang, op. cit., hal. 38.

²⁴ Surah al-Anbia, ayat 25.

²⁵ Surah al-Israk, ayat 23.

c. Firman Allah s.w.t

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولًا إِذَا أَعْبَدُوا إِلَهًا وَلَجْئَنَّوْا إِلَيْنَا الطَّاغُوتَ.

Maksudnya:

"Dan sesungguhnya Kami telah menutuskan rasul pada tiap-tiap umat (untuk menyuruh): "sembahlah Allah dan jauhi Thagut."²⁶

Firman Allah (الله) mengandungi ma'nna ithbat (لا إله إلا الله), dan perkataan Thagut itu merupakan semua sembahhan selain daripada Allah seperti syaitan, berhala dan semua seruan kepada kesesatan.²⁷

Sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa kalimah La ilaha illallah (tiada tuhan yang ditambah melainkan Allah)membawa maksud kita menyakini dan menetapkan dengan sepenuhnya bahawa yang sebenarnya patut disembah dan ditaati hanyalah kepada Allah s.w.t sahaja. Pengakuan ini hendaklah bersetara dengan perbuatan dan tingkah laku.

²⁶ Surah an-Nahl, ayat 36.

²⁷ Muhammad b. Ali b. Muhammad - As-Syaukani, Fathul Qadir al-Jamie' baina fanni ad-dirayah, Misr, Per cetakan Mustafa al-babi, cetakan kedua, 1383H - 1964M, hal. 16.

2.2 Syarat-syarat syahadah

Tidak memberi faedah kepada mereka yang mengucapkan kallimah syahadah melainkan memenuhi syarat-syarat yang tertentu sebagaimana yang dijelaskan oleh ulamak dengan kata-kata:²⁸

عَلِمَ يقِينًا وَأَخْلَاصَ وَصَدَقَ مَعَهُ مَسْبَبَةَ وَأَنْبِيَادَ وَالْفَبُولَ لِهَا.

Tujuh syarat di atas fikih, yakni, ikhlas, sidiq, mahabbah ingiah dan qabul. Syarat-syarat tersebut akan dibincangkan di bawah ini satu persatu secara detail.

1. Ilmu (Mengetahui).

Dimaksudkan dengan mengetahui di sini dengan ma'ani nafsi dan ithbat, sebagaimana firman Allah :w.t:

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ .

Maksudnya:

"Maka ketahuilah bahwa sesungguhnya Tiada Tuhan melainkan Allah." ²⁹

Firman Allah:

وَلَا يَمْلِكُ الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ الشَّفَاعَةَ
إِلَّا مَنْ شَهِدَ بِالْحَقِّ وَهُوَ يَعْلَمُونَ .

Maksudnya:

"Dan sembahian-sebahian yang mereka sembah selainNya tidak dapat memberi syafa'at akan tetapi (orang yang dapat memberi syafa'at ialah) orang yang mengakui kebenaran dan mengetahui kebenaran itu."³⁰

²⁸ Abdul 'Aziz Muhammad Salman, al-Kawasyif al-Jalilah 'An Ma'ani al-Wasitiah, cetakan II, 1982, hal. 35.

²⁹ Surah Muhammad, ayat 19.

³⁰ Surah Az-Zukhruf, ayat 86.

Sabda Rasulullah s.w.t :

مَنْ مَا تَوَهَّمَ أَنَّ لِلَّهِ إِلَّا اللَّهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ.

Maksudnya:

"Sesiapa yang mati dan dia mengetahui bahwa tidak ada Tuhan yang dicintai selain Allah maka dia akan masuk syurga."

Ma'rifat kepada Allah merupakan asas yang tertegak di atasnya segala kehidupan kerohanian. Baik ma'rifat kepada Allah itu bercabangnya ma'rifat kepada Nabi dan Rasul serta hal-hal yang berhubung dengan mereka.

Menurut Sayid Sibiq dalam bukunya al-'Aqaid al-Islamiah bahawa salah satu jalan untuk mencapai mi'rifat kepada Allah ialah memahami nama-nama Allah serta sifat-sifat yang lulus dan tinggi.³²

Firman Allah s.w.t :

قُلْ ادْعُوا اللَّهَ أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَيَّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحَسَنَىٰ .

Maksudnya:

"Katakanlah, serulah Allah atau serulah ar Rahman, mana satu nama juga yang kamu seru. Dia adalah mempunyai nama³³ yang baik."

³¹ Abu al-Hussin Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qusyairi al-Nisaburi, sahih Muslim, juz 1, al-Matba'ah al-Misriah, 1924, hal.55

³² Sayid Sibiq, al-'Aqaid al-Islamiah, (terj: Mohd Abdai, Rathony) Bandung:Penerbit C.O Diponegoro, cetakan ke 2, 1978, hal.38

³³ Surati al-Isra', ayat 110.

ii. Yakin (يقين)

Maksud syarat yang kedua ini, ialah tidak merasa syak dan ragu-ragu terhadap kalimat tersebut dan isi kandungannya.

Firman Allah s.w.t :

أَنَّا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِآيَاتِنَا وَلَا هُمْ لَهُ بِرَبِّيَابُوا وَجَاهَدُوا
بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ لِنَفْعِهِمْ هُمُ الْمُصَدِّقُونَ .

Maksudnya:

"Bahwasanya orang yang beriman itu ialah mereka yang percaya kepada Allah dan Rasulnya, kemudian mereka itu tidak pernah ragu-ragu dan mereka juga berjuang di jalan Allah dengan harta dan dirinya, itulah orang-orang yang benar".³⁴

Ayat diatas menunjukkan syarat benarnya iman seseorang mukmin itu beriman dengan Allah dan Rasulnya. Dan ini merupakan ma'ana dua kalimah syahadah dengan keadaan mereka itu yakin dengannya, tidak ragu-ragu dan syak terhadap kalimah itu. Dan sesiapa yang merasa ragu-ragu tentangnya maka ia bukan dari golongan orang-orang mukmin bahkan mereka dari orang-orang munafiqin.³⁵

Firman Allah s.w.t dalam ayat yang lain :

أَنَّمَا يَسْتَأْذِنُكَ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَارْتَابُ قُلُوبُهُمْ
فِيهِمْ فِي رِبِّيهِمْ يَرْتَدِدُونَ .

Maksudnya:

"Sesungguhnya yang akan meminta izin kepadamu hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, dan hati mereka ragu-ragu, kerana itu mereka sentiasa bimbang dalam keraguannya."³⁶

³⁴ Surah al-İljūjural, ayat 16.

³⁵ Ustaz Yusuf Sentik, Syahadataini haqiqatuhu Waatharuhu, op. cit, hal. 127-128.

³⁶ Surah at-Taubah, ayat 45.

Di dalam hadis Nabi juga menyebut tentang keyakinan Ibt yang merupakan syarat kepada syahadah ini.

Sabda Rasulullah s.w.s :

أَتَشْهِدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا تَرَىٰ سُوْلُ اللَّهِ لَا يَلْقَى
اللَّهُ بِهِ مَا عَبَدَ غَيْرُ مَا تَرَكَ فِيهِمْ مَا لَا دَخْلَ لِجَنَّةٍ .

Maksudnya:

"Aku mengakui bahwa tiada Tuhan selain Allah dan Aku adalah Rasulullah, tiada seorang pun yang meninggal dengan menyakiti kedua pengakuannya ini tanpa ragu-ragu melainkan akan memasuk ke surga."³⁷

(iii) Al-Ikhlas (الإخلاص).

Menjadi syarat juga bagi syahadah ini lantaran bersifat ikhlas kepada Allah s.w.t dalam setiap perlakuan kita dalam mengamalkan keseluruhan isi kandungan Islam.

Firman Allah s.w.t :

وَمَا أَمْرَرَا إِلَّا يَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ، إِنَّ الدِّينَ .

Maksudnya:

"Dan mereka tidak diperintahkan melainkan supaya mengabdikan diri kepada Allah dengan tulus ikhlas."³⁸

Firman Allah s.w.t dalam ayat lain:

فَاعْبُدُ اللَّهَ مُخْلِصًا لِمَا الَّذِينَ أَخْرَجُوا .

Maksudnya:

"Maka sembahlah Allah dengan tulus ikhlas beragama ketahuilah bahwa agama yang bersih itu hanya milik kepunyaan Allah."³⁹

³⁷ Abu al-Hussin Muslim b. al-Hajjaj, op. cit., hal. 56.

³⁸ Surah al-Bayyinah, ayat 5.

³⁹ Surah az-Zumar, ayat 2-3.

Dari ayat-ayat al-Qur'an di atas, jelaslah iklas itu merupakan syarat syahadah. Mereka yang tergolong dari khalangan orang-orang mukmin ialah dari mereka yang ikhlas dalam amalannya. Manakala mereka yang mendustakan maka mereka tergolong dalam golongan munafiqin. Sebagaimana firman Allah s.w.t. :

ان المنافقين في الدرك الا سفل من النار، ولن تجد لهم نصيرا
الا الذين تابوا واصلحتوا ااعنة دسموا بالله واخلصوا دينهم
الله فاوئنك مع المؤمنين .

Maksudnya:

"Sesungguhnya orang-orang munafiqin itu ditempatkan pada tingkatan yang paling bawah di dalam neraka. Dan engkau tidak akan mendapat penolong untuk mereka. Kecuali orang-orang yang bertaubat dan mengadakan pembuktian dan berpejuang teguh pada Agama Allah dan tulus iklas mengingatkan agama mereka kerana Allah, dan mereka itu bersama-sama golongan yang beriman."⁴⁰

Daripada ayat-ayat al-Qur'an yang dijelaskan di atas itu, kita dapat memahami bahawa tidak memberi faedah kepada mereka yang mengucapkan dua kalimat syahadah melainkan mereka itu iklas dalam mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. Mereka iklas dalam setiap amalan. Kata-kata mereka kerana Allah, perbuatan mereka kerana Allah mereka menegah kerana Allah, mereka kasih kerana Allah, urusan mu'amalah samada secara zahir ataupun hati ditimpukan kepada Allah s.w.t.⁴¹

40 Surah an-Nisa', ayat 15-16.

41 Abi 'Abdullah Muhammad b. Abi Bakar b. Ayub Ibn Qayyim al-Jauziah, Madarij as-Salikin, ditabqiq oleh Muhammad Hamid an-Nasyir, Beirut, Percetakan Darul Kitab al-'Arabi, 1972, hal. 83.

Ikhlas iaitu merupakan syarat kepada dua kalimah syahadah. Allah s.w.t tidak akan menerima amalan seseorang itu jika tidak dilakukan dengan ikhlas. Al-Fadhil Iyad menjelaskan pada firman Allah:

لِيَلْوَكُ حَرَبَكَهُ أَحَدٌ مِنْ نَعْلَمْ

Maksudnya:

"Untuk menyuji kamu siapakah di antara kamu yang yang sebaik-baik amalan."

Amalan yang sebaik-baik di sini adalah ikhlas dan betul. Amalan yang ikhlas tetapi tidak betul tidak diterima oleh Allah. Apabila betul amalan tetapi tidak ikhlas juga tidak diterima oleh Allah. Hinggalah kedua-duanya itu berkumpul dalam amalan seseorang, iaitu ikhlas dan betul. Ikhlas kerana Allah dan betul mengikut sunnah Nabi s.a.w.⁴³

iv. As-Sidq (الصدق).

Dimaksudkan dengan Sidq di sini iaitu membenarkan akan ma'ana kedua-dua kalimah tersebut tidak boleh dibahagi walaupun sedikit. Terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an dan hadis Nabi yang menegah dari berbohong dan menyuruh berlaku benar.

Bagi mereka yang melakukan penulusaan, Allah s.w.t telah menceritakan bahawa golongan ini akan ditimpah siksaan yang pedih di akhirat nanti. Begitu juga Allah s.w.t berjanji akan memberi nikmat kepada mereka yang berlaku betul.

⁴² Surah al-Mulk, ayat 7.

⁴³ Ibn Taimiyyah, Majmu' Fataawa, op. cit., hal. 333.

a. Mengazab orang-orang yang berdusta dan orang-orang munafiqin.

Firman Allah s.w.t :

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ أَمْنَا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ
بِمُؤْمِنِينَ يَخَادِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَمَا يَخَادِعُونَ
إِلَّا أَنفُسُهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرْضٌ فَزَادَهُ
اللَّهُ مَرْضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْرَهُونَ .

Maksudnya:

"Di antara manusia ada yang mengatakan "kami beriman kepada Allah dan hari kemudian" pada hal mereka itu sesungguhnya bukan orang-orang yang beriman. Mereka hendak menipu Allah dan orang-orang yang beriman, sedangkan mereka menipu diri sendiri dan mereka tidak sadar. Di dalam hati mereka ada penyakit, lalu ditambah oleh Allah penyakitnya dan bagi mereka siksa yang pedih, disebaliknya mereka berdusta.⁴⁴

b. Memberi ni'mat kepada mereka yang benar.

Firman Allah s.w.t :

وَمَنْ يَطِعُ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ
اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّنَ وَالصَّدِيقِينَ وَ الشَّهِيدَاتِ وَالصَّالِحِينَ .

Maksudnya:

"Dan setiap yang mengikuti Allah dan Rasulnya, mereka itu akan bersama-sama dengan orang-orang yang diberi kurnia oleh Tuhan, iaitu Nabi-nabi, orang-orang yang benar, orang yang mati syahid dan orang-orang salih."⁴⁵

⁴⁴ Surah al-Baqarah, ayat 8-10.

⁴⁵ Surah an-Nisa', ayat 69.

- c. Menamakan orang-orang yang membentarkan apa yang dibawa oleh Nabi sebagai golongan murtiqin.

Firman Allah s.w.t:

وَالَّذِي جَاءَ بِالصَّدْقِ وَصَدَقَ بِهِ أَفْلَانُكُ هُمُ الْمُتَقْوِنُونَ .

Maksudnya:

"Dan orang-orang yang membawa kebenaran itu dan mempercayainya, itulah orang-orang yang memeliharaan dirinya dari pada kajahatan."⁴⁶

Semua ayat-ayat al-Qur'an yang dijelaskan di atas itu menunjukkan wajib membenarkan dua kalimat syahidah samada dari perkataan ataupun buatan. Imam Ibn Qayyim tetapi menjelaskan pada firman Allah (جاء بالصدق) merupakan keadaan membenarkan pada perkataan, perbuatannya dan keadaannya.⁴⁷

v. Mahabbah (محببة).

Maksud mahabbah di sini ialah kecintaan kepada Allah dan Rasul.

- a. Menyebut kecintaan kepada Allah sahaja, tetapi ia juga termasuk kecintaan kepada Nabi Muhammad S.A.W.

⁴⁶ Surah az-Zumar, ayat 33.

⁴⁷ Ibn. Qayyim, op. cit. hal. 27.

Firman Allah s.w.t :

قُلْ إِنْ كُنْتَ نَحْبُونَ اللَّهَ فَاتَّهِ عَوْنَىٰ يَحْبِبُهُ اللَّهُ وَيَغْفِرُ لَكُمْ
ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ . قَالَ أَدْبَعَهُمُ اللَّهُ وَالرَّسُولُ
فَإِنْ تَوْلُوا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكَاوِفِينَ .

Maksudnya:

"Katakanlah, jika kamu mencintai Allah maka ikutlah Aku nescaya kamu akan dicintai oleh Tuhan dan diampun dosamu. Dan Tuhan itu maha pengampun lagi maha penyayang. Katakanlah patuhlah kepada Allah dan Rasul, tetapi kalau mereka berpaling, maka sesungguhnya Tuhan tidak mencintai orang-orang yang tidak beriman."⁴⁸

b. Menyebut kecintaan kepada Rasul. Hal ini dapat dilihat dalam sebuah hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Anas RadhiAllahu 'ahu.

Sabda Nabi s.a.w :

لَا يَوْمَ أُحِدُ كَمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنْ وَلَدِهِ وَوَالَّدِهِ
وَالنَّاسُ أَجْمَعُونَ .

Maksudnya:

"Tidak beriman kesemua dari kamu sehingga ia kasih kepadanya melebih dari kasih kepada anak-anak, ibubapanya dan manusia semuanya."⁴⁹

Bagi mereka yang memuji dan mengucapkan kallimat syahadah ini menjadi syarat kepada mereka mencintai Allah dan Rasulnya melebih dari sesuatu yang lain. Dan kecintian itu hendaklah lahir dari percakapan dan juga perbuatan. Banyak ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi yang menjelaskan hal ini.

⁴⁸ Surah al-Imran, ayat 31-32.

⁴⁹ Sahih Bukhari, diz. 1, Kitab Iman, Bab 8, hal. 9.

c. Menyebut kecintaan kepada Allah dan Rasul bersama.

Firman Allah s.w.t :

قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَآبَاءَكُمْ إِذَا أَخْرَجْتُمُوهُمْ وَعَشَّيْرَتُكُمْ
وَأَمْوَالَ اقْتَرْفَنُوهُمْ وَتَجَارِقُ تَخْشَوْنَ كُسَادَهُمْ وَمَسَاكِنَ
تَرْضُونَهَا أَحْبَ الْبَيْكَهُ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ
فَتَرْبَصُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهُ يَأْمُرُهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَسِيقِينَ .

Maknudnya:

"Katakanlah, jika bapa-bapamu, anak-anakmu, isteri-isterimu, kaum keluargamu, kekayaan yang kamu perolehi, perniagaan yang kamu lakukan rugi dan tempat tinggal yang kamu suka, kalau semua itu kamu cintai lebih dari Allah, tunggulah sampai Tuhan mendatangkan perintahnya. Dan Tuhan tidak memberi petunjuk kepada mereka yang jahat."⁵⁰

Dalil dari al-Quran dan hadis itu jelas menunjukkan syarat kecintaan kepada Allah dan Rasulnya. Itu tidak harus mendahului kecintaan kepada bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, harta dan lain-lainnya melebititi dari kecintaan kepada Allah dan Rasulnya.

An-Nibhani menjelaskan dalam menafsirkan ayat tersebut, "sesiapa yang mendahulul ketaatan kepada salah seorang daripada golongan yang disebutkan di dalam ayat di atas daripada ketaatan kepada Allah dan Rasulnya, atau memohon keredaan dari mereka tidak dari Allah atau takut, menyerah diri, bermu'amalah kepada mereka bukan kepada Allah maka bukantah Allah dan Rasul yang mereka kasihii, dan jika diucapkan dengan tisuun mereka, maka mereka itu adalah berdusta.⁵¹

50

Surah at-Taubah, ayat 24.

51

c. Menyebut kecintaan kepada Allah dan Rasul bersama.

Firman Allah s.w.t

قُلْ إِنْ كَانَ أَبَاكُمْ وَإِبْنَاكُمْ وَآخْرَهُ أَنْلَمْ مَا زَوْجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ
وَأَمْوَالَ اقْتَرَفُوهَا وَتِجَارَةً تَخْشَونَ كُسَادَهَا وَمَسَاكِنَ
تَرْضُونَهَا أَحْبَابَ الْيَكْرَمِ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ
فَتَرْبَصُوا هُنَّ أَعْنَى بِأَنَّ اللَّهَ يَأْمُرُهُ لَا يَرْهُدُهُ الْقَوْمُ الْفَسِيقُونَ .

Maksudnya:

"Katakanlah, jika bapa-bapamu, anak-anakmu, isteri-isterimu, kamu keluargamu, kekayaan yang kamu perolehi, perniagaan yang kamu takut rugi dan tempat tinggal yang kamu suka, harta semua itu kamu cintai lebih dari Allah, tunggulah sampai Tuhan mendatangkan perintahnya. Dan Tuhan tidak memberi petunjuk kepada mereka yang jahat."⁵⁰

Dalil dari al-Qur'an dan hadis Itu jelas menunjukkan syarat kecintaan kepada Allah dan Rasulnya. Dan tidak harus mendahului kecintaan kepada bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, harta dan lain-lainnya melebih dari kecintaan kepada Allah dan Rasulnya.

An-Nibhani menjelaskan dalam menafsirkan ayat tersebut, "sesiapa yang mendahului ketiauan kepada salah seorang daripada golongan yang disebutkan di dalam ayat di atas daripada ketaatan kepada Allah dan Rasulnya, atau memohon keredaan dari mereka tidak dari Allah atau takut, menyerah diri, bermu'amalah kepada mereka bukan kepada Allah maka bukalah Allah dan Rasul yang mereka kasih, dan jika diucapkan dengan lisan mereka, maka mereka itu adalah berdusta.⁵¹

⁵⁰ Surah at-Taubah, ayat 24.

⁵¹ Yusuf bin Ismail an-Nibhani, Anwarul Muhammadiyah Min Mawahib Laduniah, İstanbul, Jilid 1, 1977 M/1397 H, hal. 394.

vi. Al-Inqad (الإنجاد).

Maksud Inqad di sini rafftu tunduk dan patuh kepada kehendak kalmati ini samada zakat ataupun hibah.⁵²

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Dr. Yusuf al-Qardawi menjadi kewajiban kepada mereka yang bersyahidah berpegang teguh dengan syariat Allah dan apa yang diberitahu oleh Rasulullah. Dan tidak dinamakan hamba Allah mereka yang mengabaikan perintahnya.⁵³

Kita boleh melihat hal ini di dalam firman Allah s.w.t :

وَمِنْ يَسْأَلُهُ وَجْهَهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ فَعَلَ فَقَدْ أَسْتَمْكَ
بِالْعَرْوَةِ الْوُتْقِيِّ وَإِلَى اللَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ .

Maksudnya:

"Dan barangsiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah serta membuat kebaikan, sesungguhnya dia telah berpegang kepada tali Allah yang teguh. Dan kepada Allah kesudahan segala perkara."⁵⁴

وَأَنْهِيُوا إِلَيْكُمْ وَاسْلُوْلَهُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ
يَأْتِيَكُمُ الْعَذَابُ لَا تَشْرِونَ .

FirmanNya lagi:

Maksudnya:

"Dan kembalikanlah bertaubat kepada Allah dan tunduklah menyerah diri kepada Allah sebelum siksaan datang kepadamu, tetapi itu kamu tidak akan mendapat pertolongan lagi."⁵⁵

52. Abdul 'Aziz Mohd Salim, op. cit., hal. 37.

53. Dr. Yusuf al-Qardawi, al-Ittadah fi'l-Islam, Muassasah Risalah, hal. 32.

54. Surah Iqrim, ayat 74.

55. Surah az-Zumar, ayat 39.

Sabda Rasuullah s.a.w:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَقٌّ يَكُونُ هُوَ تَبَوَّلُ
جَتَ بِهِ

Maksudnya:

"Tidak berfaedah seorangpun daripada kamu sebagaimana nafsunya mengikuti apa yang aku bawa".⁵⁶

vii. Qabul (قبول):

Yang dimaksudkan qabul di sini ialah menerima kedua-dua kalimah syahadah ini tanpa menolak sesuatupun yang terkandung di dalam makna syahadah ini.⁵⁷

Semua kehendak-kehendak kalimah ini kita yakini dan kita patuhi dengan tidak meragui sedikitpun. Firman Allah s.w.t:

وَعَجِبُوا أَنْ جَاهَمْ مِنْهُمْ مِنْهُمْ . وَقَالَ الْكَافِرُونَ
هُذَا سَاحِرٌ كَذَابٌ اجْهَلُ الْاَللَّهَةَ الْعَلِيِّ وَاحْدَاهُمْ
هُذَا شَيْءٌ عَجَابٌ . وَانْطَلَقَ الْمُلَائِكَةُ إِنْ أَمْشَوْا
وَاصْبَرُوا عَلَى الْهَتْكِمْ إِنْ هُذَا شَيْءٌ بَرَادٌ . مَا سِعْلَا
بِهِذَا فِي الْمَلَأِ الْآخِرَةِ إِنْ هُذَا إِلَّا خَلْفَ الْعِذَابِ .
عَلَيْهِ الْذِكْرُ مِنْ بَيْنَا لَهُ فِي هَذِهِ مِنْ دُرُجَاتِهِ مِنْ ذُوقِ الْعِذَابِ .

Maksudnya:

"Dan mereka hairan kerana mereka didatangi seseorang pemberi peringatan (Rasul) dari kalangan mereka dan mereka berkata, 'Ini adalah seorang ahli sihir yang banyak berdusta. Mengapa ia jadikan tuhan-tuhan itu Tuhan Yang Satu? Sesungguhnya ini benar-benar suatu hal yang sangat menghairankan'. Dan pergilah pemimpin-pemimpin mereka seraya berkata 'Pergilah kamu dan tetaplah menyembah tuhan-tuhanmu, sesungguhnya ini benar-benar suatu hal yang dikehendaki.

⁵⁶ Yahya Ibn Sharaf an-Nawawi, Matan Al-Arba'in an-Nawawiah, Beirut, Muassasat al-Risalah, 1977, hal. 50.

⁵⁷ Ustaz Yusuf Senik, Syahadataini: Haqiqatuha Waatharuha, op. cit, hal. 129.

Kami tidak pernah mendengar hal ini dalam agama yang terakhir, ini tidak lain melainkan sesuatu yang diada-adakan. Mengapa al-Quran diturunkan kepadanya diantara kita? Sebenarnya mereka ragu-ragu terhadap al-Quranku dan sebenarnya mereka belum merasakan azabku.⁵⁸

Ayat di atas menerangkan tentang azab yang akan diterima oleh orang-orang kafir dengan sebab mereka mendustai Nabi Muhammad s.a.w dan mengengkari apa yang disampaikan kepada mereka dari ma'na dua kalimah syahadah.

Firman Allah s.w.t lagi:

لَنْمَ كَانُفْ قِيلَ لَهُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ يَسْتَكْبِرُونَ
وَيَقُولُونَ أَنَّا تَارِكُوا آلَهَتَنَا السَّاعِدَجِنُونَ .

Maksudnya:

"Sesungguhnya mereka dahulu apabila dikatakan kepada La Ilaha Illallah mereka menyombong diri, dan mereka berkata apakah sesungguhnya kami harus meninggalkan sembah-sembahan kami kerana seorang penyair gila."⁵⁹

58 Surah Saad, ayat 4-8.

59 Surah as-Safat, ayat 35-36.

2.3 Kedudukan Syahadah dalam Islam.

Syahadah mempunyai keduduan yang besar di dalam Islam. Ianya dapat membimbing kita ke arah mengenali ciri-ciri dan tabiat masyarakat Islamiyah, memberi pedoman untuk menghadapi masyarakat Jahiliyah, menentukan cara untuk merubah keadaan hidup umat manusia seluruhnya serta cara membina satu masyarakat Islam.⁶⁰

Firman Allah s.w.t:

لَا تَتَخَذُوا مِنْ إِلَهَيْنِ آثَرَيْنِ وَاللَّهُ وَاحِدٌ فَإِنْ يَأْتُكُمْ فَإِنَّمَا هُوَ بُونَ وَلَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَهُ الْأَدْيَنَ وَآتَاهُمْ
أَفْغَيْرَ اللَّهِ تَقْرَبُونَ

Maksudnya:

"Janganlah kamu menyembah dua Tuhan, sesungguhnya Dia-lah Tuhan Yang Mahaesa, maka hendaklah kepadaku sahaja kamu takut. Dan kepunyaan Allah segala yang ada dilangit dan di bumi, dan untukNya ketaatan itu selamanya. Mengapa kamu bertakwa kepada selain dari pada Allah."⁶¹

Persekutaran yang dilakukan di dalam rangkaian kalimah syahadah menjadi pembeza di antara Muslim dan kafir.⁶² Di atas kalimah ini juga tegak berdirinya bangunan Islam, ianya menentukan perbezaan besar antara orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berpaling dari-Nya. Golongan yang beriman mereka ini mencapai kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat, dan golongan yang sebaliknya adalah golongan

⁶⁰ Abu 'Urwah, *Risalah Ustaz*, Jilid 1, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, Cetakan Pertama, 1986, hal. 16.

⁶¹ Surah an-Nahl, ayat 51-52.

⁶² Said Hawwa, Batas-batas Imau dan Kulw, (Ter: Ustaz Mustafa Rashidi), Dewan Pustaka Fajar, Kuala Lumpur, cetakan ke empat, 1988, hal. 8.

yang rugi, kecewa di dunia dan di akhirat.⁶³

Menurut Muhammad bin 'Abdul Wahhab dalam bukunya *Kasyful as-Syubhat* bahawa tauhid itu hendaklah membenarkan dengan hati, menyebut dengan lisan dan menzahirkan dengan amalan. Jika salah satu daripadanya rosak maka orang itu bukan muslim. Kalau ia bertauhid sedangkan tidak beramal dengan penghayatannya maka dia menjadi kafir dan mereka ini sama seperti Fir'aun, Iblis serta sebangsa dengannya.⁶⁴

Sa'id Hawwa pula menjelaskan bahwa syahadatain melambangkan jiwa Islam yang syumul, semimpama nyawa merupakan nadi kepada badan seluruhnya. Setiap dari anggota badan manusia tidak berperanan lagi sebagai scorang manusia jika tiada nyawa. Begitu juga kalimah La ilaha illallah merupakan nyawa bagi setiap aspek atau bahagian dari Islam. Kerana itu amalan orang kafir dianggap sebagai bangkai.⁶⁵ Sebagaimana firman Allah s.w.t

63 Abu al-Sa'ib al-Maududi, *Prinsip-Prinsip Islam*, (ter: 'Abdul-Lah Suhaili), Percetakan al-Ma'arif, Bandung, cetakan kedua, 1983, hal. 68.

64 Muhammad bin 'Abdul Wahhab, *Kasyful as-Syubhat*, (ter: Ja'far Sujarwo), Percetakan Bina Ilmu, Surabaya; cetakan pertama, 1981, hal. 61.

65 Sa'id Hawwa, *Batas-batas Islam dan Kufur*, (ter: Ustaz Mustafa Rasyidi), Dewan Pustaka Tajar, Kuala Lumpur, cetakan keempat, 1988, hal. 8.

وقد منا إلى ما علمنا من ١٠٥ فـ، ملناه هـ، ما منتوها.

Makṣudiyā:

"Dan kami datang kepada pekerjaan yang mereka kerjakan, lalu kami jadikan debu yang berterbangan".⁶⁶

66 Surah al-Furqān, bayat 23.